

MALANG TIDAK BERBAU

terima kasih	sapu tangan	kecederaan	balik	menangis	luka
menoleh	mencari	beredar	berehat	terjadi	muka
muncul	jiran	suara	pisang	merawat	lelaki

Tiba-tiba, kami terdengar _____ seorang kanak-kanak _____ dari arah belakang. Saya terus _____ ke belakang untuk mendapatkan kepastian. Saya dapati seorang budak _____ terjatuh dari basikalnya. Saya membantu mengangkat basikal yang menindih badannya.

Saya dapati budak lelaki itu mengalami _____ pada bahagian lutut kiri dan pada kedua-dua belah tangannya. Saya memimpin budak lelaki itu dan menyuruhnya duduk di bangku panjang untuk _____. Darah masih mengalir pada bahagian _____ yang dialaminya.

Saya meminta Karim _____ ibu bapa budak lelaki yang malang itu. Saya dan Amir pula cuba untuk _____ kecederaan yang dialaminya. Saya mencuci bahagian mukanya yang bertanah dengan _____. Amir pula mengelap darah pada lutut kirinya dengan tuala lembap.

Tidak lama kemudian, ibu bapa budak lelaki itu pun _____. Saya menceritakan kepada mereka tentang perkara yang telah _____. Kedua-dua ibu bapanya kelihatan begitu cemas melihat keadaan anaknya itu. Ibu bapa Aiman berkali-kali mengucapkan _____ kepada kami kerana telah membantu anaknya.

Kami menghantar Aiman _____ ke rumahnya. Setelah sampai ke rumahnya, kami membantu ibu bapanya mencuci luka-luka kecil pada bahagian _____, tangan dan kaki Aiman. Aiman tersengih-sengih menahan kepedihan akibat disapu ubat pada bahagian luka tersebut.

Sebelum kami _____ dari rumah Aiman, ibunya menjamu kami dengan _____ goreng dan air barli limau ais. Kami berasa gembira kerana dapat menolong anak _____ kami yang dalam kesusahan. Aiman pula tersenyum seraya mengucapkan terima kasih kepada kami.